
Title	Bahasa jiwa bangsa [140]
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1991 Muhammad Ariff bin Ahmad

Jun 21, 1991

BAHASA JIWA BAGSA [140]

Sabtu malam 15 Jun 1991, malam penutup Pertemuan Sasterawan Nusantara ketujuh.

Sebelum upacara rasmi dilaksanakan, para tetamu dan para peserta pertemuan disuguhi dengan persembahan malam budaya. Seorang deklamator sajak dari Indonesia membaca sajak dramanya selama 35 minit. Bagi orang Singapura [barangkali Malaysia juga] deklamasi sajak itu amat panjang. Ini menyebabkan persembahan itu terpaksa diberhentikan pada jam 22.30 untuk minum teh sebelum upacara rasmi penutupan pertemuan dilaksanakan.

Sebelum tetamu terhormat menyampaikan ucapan penutupnya, wakil peserta diundang menyampaikan ucapan. Pak A A Navis dari Indonesia, sasterawan yang berusia 67 tahun, telah diminta mewakili semua peserta dari Brunei Darussalam, Malaysia dan Indonesia untuk berucap.

Dalam ucapannya yang penuh dengan humar, Pak Navis mengatakan bahawa kata **kacau** yang dipakai orang di sini tidak sama maknanya dengan kata **kacau** yang dipakai orang Indonesia. Majlis yang gemuruh dengan tawa sebagai respon terhadap ucapan humar Pak Navis terhenti seketika mendengar bahawa makna **kacau** di sini tidak sama dengan makna **kacau** di Indonesia.

Bagaimanapun, tawa para peserta meledak semula apabila Pak Navis menghuraikan kelainan makna kata **kacau** itu. Kata Pak Navis, "Di sini, kata **mengacau** bermakna 'mengaduk' atau 'mengadun' telur dengan tepung dan gula untuk membuat kuih, tetapi di Indonesia: **mengacau** itu bermakna **merusuh**."

Sebenarnya, di sini pun ada juga orang gunakan kata **kacau** yang bermakna '**rusuh**' itu; hanya kata **kacau** yang bermakna '**rusuh**' itu tidak disebutkan **mengacau** tetapi disebutkan **berbuat kacau**.

Ucapan Pak Navis yang menerangkan perbezaan makna **kacau** yang di sini dengan **kacau** yang di Indonesia itu mengingatkan saya kepada suatu peristiwa yang saya alami dengan seorang doktor Indonesia.

Peristiwa itu berlaku pada akhir tahun 1954. Saya bawa isteri saya ke klinik Dr Ghaus di Middle Road. Dr Ghaus ialah seorang doktor Indonesia, lulusan universiti di Tokyo, Jepun. Setelah memeriksa isteri saya dan membekali ubat, Dr Ghaus memberitahu saya:

"Kalau tidur, ibu jangan dipakaikan bantal tinggi; tinggikan sedikit **punggungnya**."

"**Punggung** yang tuan maksudkan itu, apakah **punggung Indonesia** atau **punggung Malaya**?" Tanya saya kepada Dr Ghaus.

"Mana yang Indonesia dan mana yang Malaya?" tanya doktor pula.

"Ingatkah Tuan Doktor, waktu pendudukan tentera Jepang dahulu, tuan mengajar Nippon-Go di tempat makan Sekolah Kota Raja?"

"Masak saya lupa!" katanya tersenyum. Barangkali dia mengingatkan kisah lama itu.

"Saya turut belajar dalam kelas itu," kata saya, "suatu ketika, tuan memberitahu saya bahawa **punggung** Indonesia itu ialah bahagian belakang manusia atau haiwan dari bawah kuduk (tengkuk) sampai ke bahagian pinggang."

"Ialah, yang Malaya itu, di mana **punggungnya**?" tanya doktor.

"Menurut tuan, **punggung** Malaya itu yang disebut 'pinggul' di Indonesia," terang saya sambil menunjuk ke arah punggung saya.

"Yah. Kalau begitu, yang Malaya itulah!" kata doktor.

"Jadi, **punggung Malaya** itu yang tuan suruh tinggikan sedikit?" Saya minta kepastian.

"Yah, ya. Yang Malaya itulah.."

Kenangan saya ke tahun 1954 itu segera kembali ke Auditorium RELC 15 Jun 1991 apabila peserta yang duduk di kanan saya berbisik ke telinga saya, "Kalau begitu, **kacau** juga kita dibuatnya!"

"**Kacau** bagaimana? Apa yang **dikacaukan**?" tanya saya.

"Kalau **kacau** di Indonesia tidak sama maknanya dengan **kacau** kita di sini, tidakkah **kacau** jika kita hendak bercakap dengan orang Indonesia?" teman itu ragu-ragu.

"Kelainan makna itu hanya berlaku dalam situasi tertentu sahaja. Makna **kacau** itu bukan setakat 'mengadun' dan 'merusuh' sahaja. **Kacau** yang awak cakapkan, baru sekejap ni tadi, ialah **kacau** yang bermakna 'bingung'. **Kacau** yang bermakna 'bingung' di sini, bermakna 'bingung' juga di Indonesia!" terang saya.

Kekata **kacau** yang bermakna 'rusuh' di Indonesia itu pun, bukan tidak pernah kita pakai disini. Selain daripada kita ujarkan '**berbuat kacau**', pada kekacauan-kekacauan kecil itu sebut **mengacau** juga, misalnya yang terpakai dalam wacana seperti:

- Kalau tidak ada orang yang **mengacau**, sesuatu majlis itu tidak akan ramai jadinya.
- Kebanyakan orang tidak suka **dikacau**, tetapi ada orang yang **mengacau** itu adalah hobinya.

Bagi orang yang bermain pakau, kiasan **kacau daun** itu mengungkap mengocok daun pakau sebelu dibahagi-bahagikan kepada pemainnya, tetapi menurut istilah umum, **kacau daun** itu menyindir orang yang mengganggu atau mencampuri hal orang lain sehingga orang yang berhal itu gagal menyelesaikan halnya.

Kata **kacau-balau** atau **kacau-bilau** menunjukkan suatu keadaan yang tidak senonoh, tidak teratur. Jika digunakan pada fikiran atau perasaan, **kacau-bilau** itu bermakna 'tidak tenteram', misalnya yang terpakai dalam wacana seperti:

- Suatu apa pun tak dapat dibuatnya kerana fikiran dan perasaannya sedang **kacau-bilau**.
- Rumahtangganya **kacau-balau**, tidak putus-putus dengan masalah; selesai satu timbul pula masalah baru.